

Pemimpin baru yang dinamis diperlukan

Rais Yatim

atau Ketua Pemuda UMNO

Pemuda?

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin dijangka akan ditentang oleh Datuk Rais Yatim dalam pertandingan merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaysia, di perhimpunan agung parti itu, September ini.

Sumber-sumber Pemuda UMNO Malaysia menjelaskan, Datuk Rais Yatim, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah yang baru dilantik, telah membayangkan hasratnya menduduki jawatan Datuk Haji Kamaruddin itu.

Menurut sumber itu, Pemuda UMNO Malaysia juga merasa sudah sampai masanya pemimpin baru yang dinamik dan berpengaruh memimpin pergerakan itu ke arah masa depan yang cemerlang.

Dijangka Datuk Haji Suhaimi tidak dapat mengekalkan kedudukannya kerana tergugatnya maruah, kewibawaan dan kepimpinannya di akhir-akhir ini.

Datuk Haji Suhaimi kurang dapat menyumbangkan kepimpinan yang baik seperti yang dikehendaki dalam pentadbiran era baru kepimpinan Ketua Parti, "jelas sumber itu.

Pemilihan Pemuda UMNO dijangka pada 9 September depan, serentak dengan pemilihan Wanita UMNO. Perhimpunan Agung UMNO akan diadakan keesokan harinya.

Menteri di Jabatan



■ Datuk Suhaimi

Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi, yang turut disebut-sebut akan bertanding, difahamkan telah menarik diri.

Ini disebabkan beliau selaku Ketua Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Pengerusi Koperasi Gabungan Pulau Pinang, beliau ingin menumpu sepenuhnya perhatian terhadap pembangunan negeri itu.

Selain itu, Datuk Abdullah juga mempunyai tugas berat di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi Jabatan Perangkaan, Suruhanjaya Pilihanraya. Dan, baru-baru ini, beliau dipertanggung-

jawabkan pula dengan tugas baru — Dasar Arah Timur.

Menurut sumber itu lagi, sekiranya Datuk Rais bertanding, beliau mempunyai peluang baik untuk menang kerana kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam percaya dan yakin terhadap pimpinannya.

"Lagi pun, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia juga memerlukan pemimpin yang boleh bekerjasama dan sehaluan dengan kepimpinan hari ini," jelas sumber itu.

Datuk Rais, 46, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan yang dilantik ke jawatan baru dalam kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir, sebelum ini gagal memenangi kerusi Naib-Presiden UMNO dengan enam undi sahaja.

Sekiranya bertanding dan menang, secara automatik beliau akan dilantik menjadi seorang dari Naib-Presiden parti.

Seorang lagi tokoh UMNO yang disebut-sebut bertanding merebut jawatan itu ialah Enik Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan bekas Presiden ABIM.

Ragaimanapun, sumber itu menambah, Enik Anwar secara senyap telah menyatakan tidak akan bertanding kerana beliau masih baru dalam UMNO.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia